

## **TEKS UCAPAN**

**YB ADLY BIN ZAHARI**

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**SEMPENA MAJLIS SANJUNGAN BUDI TAUTAN KASIH TAHUN 2023**

**12 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**KELAB REKREASI TENTERA UDARA (KRTU), PU SUBANG**

---

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,**

**ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIN, WASSALATUWASSALAM WA'ALA**

**SAYIDINA MUHAMMAD, WAALA-ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

1. YBhg Dr. Mohd Bakhari Bin Ismail,  
**Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)**
2. YBhg Dato' Aminudin Bin Yahaya,  
**Ketua Pengarah Stride.**
3. YBhg Mejar Jeneral Zambery Jefry Bin Haji Darus,  
**Ketua Pengarah JHEV ATM.**
4. YBhg Dato' Ahmad Nazim Bin Abd Rahman,  
**Ketua Eksekutif LTAT.**
5. YBhg Dato Paduka Syed Mashafuddin Bin Syed Badarudin,  
**Ketua Pegawai Eksekutif Affin**
6. YBrs Encik Mat Rostam Bin Mat Abas  
**Pengurus Besar Pernama**
7. Kapt Mohd Radzi bin Mohd Ali  
**Timbalan Ketua Pengarah PERHEBAT**

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### **Salam Sejahtera dan Salam Madani**

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-nya serta anugerah kesihatan yang baik diberinya, maka dapatlah kita sama-sama berkumpul pada malam ini di kelab Rekreasi Tentera Udara, Pangkalan Udara Subang bersempena Majlis Sanjungan Budi Tautan Kasih.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan semua atas kesudian untuk hadir di majlis yang serba sederhana pada hari ini yang telah dianjurkan oleh pejabat Timbalan Menteri Pertahanan.
3. Majlis pada malam ini diadakan bertujuan untuk **menghargai dan meraikan barisan kepimpinan, kakitangan dan semua pihak** yang terlibat khususnya agensi dan perbadanan serta unit - unit sokongan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sentiasa komited membantu saya melaksanakan portfolio yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya selaku Timbalan Menteri Pertahanan.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

4. Sepanjang 11 bulan saya di Kementerian Pertahanan, pelbagai program telah dirangka dan direncanakan khususnya melibatkan Lawatan Kerja Ke Kem-Kem Tentera termasuk kawasan operasi di Semenanjung dan Wilayah Sarawak, bertujuan meninjau kesiap-siagaan dan kebajikan anggota serta keperluan logistik pertahanan negara.

### **[Perkongsian pengalaman:**

- *Peluang untuk berbuka puasa di atas KD Hang Jebat di Lumut, Perak bersama Panglima Tentera Laut dan warga TLDM; dan*
  - *Berpeluang untuk meredah Tasik Banding menaiki bot taktikal untuk ke Pos Sempadan bersama Rejimen Sempadan di Gerik Perak.]*
5. Bagi memastikan pengurusan hal ehwal Veteran ATM terus dipertingkatkan, pada tahun ini, kita juga telah melancarkan inisiatif Program Peduli Veteran (PPV) yang diselaraskan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Program Pemerkasaan Keusahawanan Veteran (PUVET) oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).
  6. Kedua-dua inisiatif telah mendapat sokongan penuh daripada pihak Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), Yayasan Veteran ATM dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang bertanggungjawab mengurus dan menaja Bakul Rahmah Veteran ATM sepanjang siri PUVET dan PPV berlangsung. Terima kasih saya ucapkan atas komitmen tersebut.
  7. Selain itu, Program Cakna Sains, Teknologi dan Industri (ST&I) Pertahanan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan atau STRIDE, turut menjadi salah satu agenda Kementerian untuk memperkasa dasar sains, teknologi dan industri pertahanan, dengan merangsang dan menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi, bukan sahaja di kalangan warga pertahanan malah kepada generasi muda selaku pelapis negara yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah.
  8. Sehubungan dengan itu, saya mewakili seluruh pegawai dan kakitangan pejabat Timbalan Menteri ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan kepimpinan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program serta lawatan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.

9. Secara khususnya, izinkan saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada;
  - Unit Komunikasi Strategik
  - Bahagian Khidmat Pengurusan
  - Sekretariat Markas ATM
  - Markas-markas perkhidmatan Darat, Laut dan Udara
  - Kor Polis Tentera Darat (KPTD)
  - 91 Depoh Pusat Kor Ordnan Diraja
  - KAGAT
  - JHEV ATM
  - PERHEBAT
  - PERNAMA,
  - STRIDE,
  - LTAT,
  - Yayasan Veteran ATM, dan akhir sekali pihak
  - Affin Bank Berhad
10. YBhg Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan semua yang hadir dan tidak dilupai mereka yang berada di negeri-negeri, akan sentiasa menjadi tulang belakang kepada kejayaan program-program pejabat Timbalan Menteri.
11. Komitmen yang telah diberikan merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan pengangkutan, iringan pergerakan, sokongan media, penyediaan maklumat, jamuan makan dan segala bentuk bantuan pentadbiran yang disediakan telah banyak membantu melancarkan program-program yang dianjurkan.
12. Akhir sekali, saya berharap komitmen, kerjasama serta hubungan akrab yang telah dijalankan sejak saya mula berkhidmat di Kementerian ini akan terus harmoni dan berkekalan pada masa hadapan.

13. Justeru, pada malam ini, marilah kita bersama-sama memanajatkan doa ke hadrat Ilahi semoga Kementerian Pertahanan, ATM dan semua agensi dan perbadanan di bawah Kementerian dan LTAT serta warganya sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerah kesihatan dan semangat untuk terus mempamerkan kecemerlangan dalam melaksanakan program-program yang dapat memberi manfaat berterusan kepada warga pertahanan, Veteran ATM serta masyarakat.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.